



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL.97 / 2018

SPR TERIMA PERAKUAN MAHKAMAH MENGENAI PEMBATALAN KEPUTUSAN PILIHAN RAYA PARLIMEN P.078 CAMERON HIGHLANDS

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menerima Perakuan Mahkamah di bawah Seksyen 36 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 yang telah mengisytiharkan bahawa keputusan pilihan raya bagi kerusi Parlimen P.078 Cameron Highlands yang diadakan pada 9 Mei 2018 adalah terbatal.
2. Sehingga tamat tempoh rayuan pada 14 Disember 2018 sepertimana yang ditetapkan oleh Seksyen 36A Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, tiada sebarang rayuan difailkan di Mahkamah Persekutuan atau dimaklumkan kepada SPR. Sehubungan dengan itu, selaras dengan Perkara 54(1) Perlembagaan Persekutuan, SPR akan mengisi kekosongan kerusi tersebut dalam tempoh 60 hari dari tarikh kekosongan yang ditentukan oleh SPR iaitu mulai 15 Disember 2018.
3. Pemakluman secara rasmi akan dihantar kepada Yang Dipertua Dewan Rakyat pada hari Isnin nanti.
4. SPR akan mengadakan Mesyuarat Khas bagi membincangkan mengenai pelaksanaan pilihan raya tersebut. Tarikh mesyuarat tersebut akan dimaklumkan nanti oleh pihak SPR.

Sekian, terima kasih.

AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh: 15 Disember 2018 / 7 Rabiul Akhir 1440H